

Lee Kuan Yew beri surat penjelasan esok

Perdana Menteri akan terima menerusi prosedur diplomatik

Oleh **Magendran Rajagopal**

KUALA LUMPUR: Surat penjelasan daripada Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew, berhubung kenyataannya bahawa masyarakat Cina di sini dipinggirkan dijangka diserahkan kepada Wisma Putra esok untuk disampaikan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata beliau dimaklumkan surat itu sudah diterima Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia dan mengikut prosedur diplomatik, akan disampaikan kepada Perdana Menteri menerusi Wisma Putra.

"Ini adalah perutusan peribadi antara pemimpin dua negara berhubung sesuatu perkara yang khusus dan Kementerian Luar hanya bertindak selaku pengantara.

"Mengetahui kandungan surat penjelasan itu pula, terpulang kepada Perdana Menteri sama ada mahu memaklumkan kepada umum atau tidak kerana kandungan surat yang dihantar beliau kepada Lee sebelum ini tidak didedahkan.

"Jika Pesuruhjaya Tinggi Singapura menyerahkan surat penjelasan itu kepada Wisma Putra esok, saya jangka ia dapat disampaikan kepada Perdana Menteri pada hari yang sama," katanya

ketika dihubungi semalam.

Semalam, akhbar *Straits Times Singapore* memetik kenyataan Setiausaha Akhbar Lee, Y Y Yeong, surat itu sekarang berada di Suruhanjaya Tinggi Singapura ke Malaysia dan sedia diserahkan secara peribadi kepada Perdana Menteri.

Minggu lalu, Abdullah menulis surat kepada Lee meminta beliau menjelaskan kenyataannya mendakwa masyarakat Cina di sini dipinggirkan ketika berucap pada forum mengenai tadbir urus yang baik pada 15 September lalu di Singapura.

Lee mendakwa kedua-dua negara mempunyai masalah dengan masyarakat

Cina masing-masing kerana mereka bekerja keras dan berjaya, oleh itu mereka dipinggirkan secara sistematik, termasuk dalam pendidikan.

Kenyataan itu mencetuskan bantahan Malaysia dan Indonesia. Kementerian Luar kedua-dua negara bertindak memanggil wakil Singapura di negara masing-masing meminta penjelasan berhubung kenyataan Lee itu.

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura (PKMS) turut menuntut permohonan maaf daripada Lee berikutan kenyataan beliau yang didakwa mewujudkan rasa kurang senang di kalangan masyarakat pelbagai kaum di republik itu.